

24/01/2005

1,500 peserta hadir ATF di Langkawi

LANGKAWI: Lebih 1,500 peserta dari 50 negara menghadiri Forum Pelancongan Asean ke-24 (ATF) yang diadakan di sini bermula 21 Januari lalu sehingga 29 Januari.

Mereka terdiri daripada 130 menteri, timbalan menteri serta pegawai kanan kerajaan negara Asean, termasuk pegawai tertinggi pelancongan dari Jepun, China, Korea dan India.

Lebih 100 wakil media asing dan tempatan juga dijemput membuat liputan acara tahunan itu yang turut menyaksikan kehadiran lebih 90 penjual, 400 pembeli produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di negara anggota Asean.

Antara negara yang menyertai ATF kali ini, Brunei Darulssalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan tiga negara rakan Asean (Asean+3) China, Jepun dan Korea Selatan.

ATF kali ini dianjurkan Pelancongan Malaysia, Kementerian Pelancongan, Penerbangan Malaysia, Persatuan Hotel Malaysia, Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Persatuan Pelancongan Asean (Aseanta), Kerajaan Negeri Kedah dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

AFT pada kali ini dimulakan dengan siri mesyuarat dan perbincangan antara kerajaan Asean dan persatuan pelancongan dan pengembaraan Asean pada 21 hingga 25 Januari bagi mencari, mencipta arah tuju dan polisi bagi pembangunan sektor pelancongan di rantau ini.

Menteri Pelancongan Asean dijadualkan mengadakan perbincangan dengan China, Jepun dan Korea Selatan bagi memperkukuhkan hubungan, mengemas kini pembangunan dan jalinan kerjasama, selain mengatur pelbagai acara bersama sepanjang tahun ini.

Mesyuarat juga diadakan antara persatuan pelancongan di rantau ini membabitkan Aseanta dan persatuan syarikat penerbangan Asean bagi membincangkan pelbagai isu dalam usaha meningkatkan kualiti dan piawaian industri pelancongan Asean.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka merasmikan ATF pada 25 Januari di Dataran Lang, manakala bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucap-tama pada Persidangan Pelancongan Asean (ATC) pada 26 Januari di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC).

Turut diadakan sempena ATF kali ini, Asean Travel Exchange (TRAVEX) bermula 26 hingga 28 Januari yang menyaksikan kehadiran lebih 40 pembeli antarabangsa produk pelancongan yang ditawarkan pada pameran itu.

(END) Source : Berita Harian